

17 FEB 1998

Mahathir-Lumba basikal

JELAJAH LANGKAWI, UJIAN PANAS BAGI PARA PELUMBA, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi (LTdL), yang diadakan untuk kali ketiga, menawarkan perlumbaan yang berbeza bagi para pelumba antarabangsa.

"Ia akan menguji kekuatan dan daya ketahanan para pelumba kerana mereka terpaksa bertanding dalam keadaan cuaca panas terik," katanya pada majlis mengalu-alukan kedatangan para pelumba di sebuah hotel terkemuka di sini.

Dr Mahathir berkata cuaca semasa jelajah itu pada kali ini, yang disifatkan sebagai antara yang paling panas di dunia (suhu 27-34 Celcius), akan memberi cabaran besar kepada para pelumba terkemuka.

Sejumlah 150 pelumba akan mengambil bahagian dalam jelajah itu yang bermula secara rasmi esok.

Beberapa pengurus pasukan melahirkan kebimbangan mengenai cuaca panas terik setibanya di sini bagi peringkat pertama jelajah itu.

Sebuah daripada pasukan itu juga turut membawa bersama-sama minuman khas bagi para pelumba mereka untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan keadaan cuaca di sini.

Dr Mahathir berkata: "Saya pasti tahun ini lebih menarik kerana jelajah itu diadakan semasa musim paling panas di Malaysia di mana semua pihak menyalahkan fenomena El Nino."

Bagaimanapun, katanya, sekiranya para pelumba mempamerkan aksi cemerlang dengan mencatatkan rekod mereka boleh menganggap diri mereka sebagai telah menjalani ujian sepenuhnya.

Beliau berkata perlumbaan itu akan turut membantu menonjolkan Malaysia sebagai sebuah negara yang menarik untuk dilawati.

Dr Mahathir berharap stesen-stesen television akan menyiarkan gambar sebenar mengenai Malaysia semasa acara selama 12 hari itu.

"Oleh itu, masanya sudah tiba bagi stesen televisyen memberikan gambaran sebenar mengenai keadaan," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah mendapat publisiti buruk semasa keadaan jerebu baru-baru ini apabila stesen televisyen menunjukkan gambar mengenai jerebu walaupun selepas langit kembali cerah dan sehubungan itu pelancong asing tidak melawat negara ini.

-- BERNAMA

NH AKD